

# Lokasi baharu sumber perikanan

Sinar Harian 24/4/2019 m/s 36

**Sebanyak  
30 unjam  
dilabuhkan  
di perairan  
Beting Lintang**

MOHD TAHA YAACOB

KAMPUNG RAJA

N elayan Kampung Beting Lintang dekat sini, berpakat melabuhkan 30 unjam sekaligus menjadikan kawasan itu lokasi baharu bagi sumber perikanan di perairan Beting Lintang.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, lebih 40 nelayan terlibat dalam program melabuhkan unjam itu yang dimuatkan dalam bot gentian kaca sebelum dilabuhkan dari bot nelayan di lokasi terpilih.

Menurutnya, mereka bergerak serentak dari pantai Beting Lintang ke lokasi tersebut sejauh kira-kira 2.2 batu nautika dari pantai.

"Unjam diperbuat dari pada ranting, daun pokok

teja dan gelam itu dilabuhkan di satu tempat sahaja bagi memastikan ia berada dalam jumlah banyak.


"Unjam ibarat rumah kos rendah atau rumah mampu milik yang dibina di satu lokasi dan membolehkan ikan akan banyak di situ," katanya yang menyempurnakan gimik kerja-kerja menurunkan unjam tersebut di laut.

Hadir sama Pengarah Perikanan negeri, Zawawi Ali, Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Besut, Tengku Harun Tengku Ismail dan Ketua Komuniti Nelayan Beting Lintang, Afendey Ismail.

Azman berkata, unjam berfungsi sebagai tempat ikan dan sotong berkumpul selain menjadi kawasan perlindungan sementara bagi ikan dan hidupan marin bersaiz kecil.

Menurutnya, program ini adalah usaha nelayan di sini dan disokong Jabatan Perikanan dalam meningkatkan sumber perikanan sekaligus menaik taraf sosio ekonomi nelayan.

"Ia dapat menarik hidupan marin termasuk spesies bernilai tinggi seperti ikan merah dan tenggiri untuk berkumpul men-



Azman dan Zawawi bersama nelayan Beting Lintang sebelum bergerak ke laut untuk melabuhkan unjam.

dapatkan makanan dan perlindungan," katanya.

Azman berkata, Projek Pembangunan Unjam mula dilaksanakan pada tahun lepas dengan Marang merupakan pelopor apabila sebanyak 53 unjam dilabuhkan diikuti Dungun membabitkan 44 unjam.

Sementara itu katanya, sebanyak RM500,000 dipерuntukkan kerajaan negeri dan persekutuan pada tahun ini untuk melabuhkan tukun tiruan.

Manakala menurut Afendey Ismail, langkah ini



Nelayan melabuhkan unjam selepas gimik perasmian disempurnakan Azman (tiga, kanan).

akan meningkatkan pendapatan nelayan apabila mempunyai kawasan tumpuan ikan untuk memancing.

Katanya, ikan bersaiz kecil akan mula masuki unjam itu seawal dua hing-

ga tujuh hari manakala ikan bernilai tinggi seperti merah dan tenggiri biasanya akan berada di situ dalam tempoh sebulan.

"Nelayan menanda kawasan tersebut dengan

mengambil kedudukan koordinat sistem kedudukan global (GPS) bagi memastikan mereka boleh menemui lokasi tempat unjam yang berada dalam laut itu," katanya.